

Pelajar UMS tambah kemahiran insaniah melalui kursus jurulatih

UB 80.3.2014 915

KOTAKINABALU: Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN), Kesatuan Olahraga Malaysia (KOAM) dan Majlis Pengetua Kolej Kediaman (Mapek) mengadakan Kursus Jurulatih Olahraga Tahap 1, baru-baru ini.

Seramai 61 peserta terdiri daripada pelajar kolej kediaman AB, CD, E,

Indah Permai, Sri Angkasa dan Kingfisher UMS di samping empat peserta luar telah menyertai kursus tersebut.

Ia dikendalikan oleh beberapa pakar dalam bidang olahraga, antaranya Naib Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia K Yogasveran, Pensyarah Persekutuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) Academy Diploma Coach S Anbarassuu, Jurulatih Olahraga MSN

Pulau Pinang Simon Lau Chin Meng, Jurulatih Olahraga Kebangsaan Raymie A Bakar dan mantan Penyelaras Program Pembangunan Olahraga Remaja MSN Pathmanathan K Supiah.

Kursus selama lapan hari itu diisi dengan beberapa program seperti UMS-IAAF Kids' Athletic, pengenalpastian bakat, komunikasi, latihan acara spesifik dan sesi penilaian.

Majlis perasmian dan penutupan disempurnakan oleh Pengetua Kolej Kediaman CD iaitu Dr Mohamad Nizam Nazarudin.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa Sabah sememangnya mempunyai ramai bakat terpendam dalam olahraga.

Justeru, beliau mengharapkan para peserta yang dilatih sepanjang

kursus itu mampu memikul tugas sebagai jurulatih baharu yang akan bersama-sama dalam mengenal pasti atlet-atlet berbakat yang boleh diketengahkan.

"Kolej CD juga merancang menganjurkan Kursus Jurulatih Olahraga Tahap 1 dan 2 jika diberikan peluang sekali lagi dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah kepada bakal graduan-graduan UMS agar terus mampu bersaing dan sentiasa mempunyai kebolehpasaran yang tinggi pada masa akan datang," katanya.

Pada majlis itu, kesemua peserta kursus telah lulus dan 32 daripadanya diumumkan layak untuk ke Kursus Jurulatih Olahraga Tahap 2.

Pelajar Sains Sukan UMS Nitas Camillus Tan Sing Bee dan Azrisan Ahsan masing-masing dinobatkan sebagai Peserta Kursus Terbaik Kategori Praktikal dan Peserta Kursus Terbaik Kategori Teori.



PENERANGAN mengenai acara oleh K. Yogasveran.